



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PEMOHONAN BAHARU LESEN PEMANDU PELANCONG KHAS WILAYAH / *REGION SPECIFIC TOURIST GUIDE (RSTG) SABAH DAN SARAWAK (TAHAP 3)*

#### 1. SYARAT PERMOHONAN

a) **Warganegara Malaysia :**

- i. Kelahiran Sabah bagi permohonan RSTG Sabah; **atau**
- ii. Kelahiran Sarawak bagi permohonan RSTG Sarawak; **atau**
- iii. Pemastautin Tetap (Semenanjung) yang menetap di Sabah atau Sarawak.

b) **Kelayakan** : Telah menjalani kursus dan latihan serta lulus ujian-ujian kecekapan yang diperakukan oleh Pesuruhjaya Pelancongan atau mana-mana badan yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

c) **Umur** : Telah mencapai umur lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan dibuat.

d) **Kesihatan** : Sihat dari segi fizikal, mental dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit.

e) **Kelakuan** : Tiada rekod jenayah.

f) **Ahli Persatuan** : Pemandu Pelancong perlu menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.

- g) Permohonan lesen baharu RSTG hendaklah dimohon **dalam tempoh tiga (3) bulan** daripada tarikh surat kelulusan Kursus RSTG yang dikeluarkan daripada Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
- h) Permohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian** melalui **www.spip.gov.my** dan turut mengemukakan salinan dokumen sokongan ke Ibu Pejabat atau Pejabat MOTAC Negeri Sabah atau Sarawak di mana yang berkenaan.
- i) Pemandu Pelancong apabila menerima lesen baharu adalah berstatus Percubaan (P). Pemandu Pelancong berkenaan perlu menduduki dan lulus Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dalam tempoh dua (2) tahun pertama dari tarikh yang dilesenkan. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal untuk menghadiri atau menyempurnakan Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dalam tempoh tersebut tanpa justifikasi kukuh, Pesuruhjaya Pelancongan **boleh enggan** memperbaharui lesen Pemandu Pelancong tersebut.
- j) **Pemandu Pelancong yang lulus Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong boleh menukar status lesen kepada Tetap semasa permohonan pembaharuan lesen pada tahun seterusnya.**
- k) Pemohon perlu menyelesaikan urusan serahan, bayaran dan cetakan lesen dalam tempoh **30 hari dari tarikh surat pemakluman kelulusan lesen**. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dibuat.
- l) Bagi individu (Permastautin Tetap) yang **bukan kelahiran Wilayah Sabah atau Sarawak** dan ingin memohon lesen RSTG perlu mendapat sokongan dan kebenaran bertulis daripada:

BIL.	SABAH	SARAWAK
1.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KEPKAS)	Kementerian Pelancongan, Keseniaan, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak (MTAC)
2.	Persatuan Pemandu Pelancong Wilayah Sabah	Persatuan Pemandu Pelancong Wilayah Sarawak
3.	Pejabat MOTAC Wilayah Sabah	Pejabat MOTAC Wilayah Sarawak

**Nota:**

- i. **RSTG Sabah** hanya boleh menjalankan pemanduan **di Wilayah Sabah sahaja** manakala **RSTG Sarawak** hanya boleh menjalankan pemanduan **di Wilayah**

**Sarawak sahaja.** Pemandu Pelancong Bandar yang dilesenkan di Semenanjung Malaysia adalah tidak dibenarkan membuat pemanduan di Sabah ataupun Sarawak dan sebaliknya.

- ii. Pemandu Pelancong yang berstatus Percubaan hanya dibenarkan untuk memperbaharui lesen bagi tempoh setahun sahaja.
- iii. Pemandu Pelancong hanya dibenarkan untuk menambah Bahasa selain Bahasa yang dilesenkan selepas lesen Pemandu Pelancong berstatus Tetap.

## 2. **DOKUMEN SOKONGAN:**

- a) **Satu (1)** keping gambar berwarna berukuran pasport terkini;
- b) **Satu (1)** salinan kad pengenalan berwarna (Mykad);
- c) **Satu (1)** salinan surat akuan kesihatan terperinci daripada Pegawai Perubatan berlesen dan bertauliah;
- d) **Satu (1)** salinan surat pemberitahuan bahawa pemohon telah menjalani dan lulus Kursus Pemandu Pelancong Khas Wilayah;
- e) **Satu (1)** salinan Sijil Kursus Pemandu Pelancong Khas Wilayah;
- f) Surat kebenaran Ketua Jabatan (sekiranya pemohon merupakan Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun yang sedang berkhidmat).

**Nota:**

Pegawai yang masih berkhidmat di Bahagian Pelesenan Pelancongan, MOTAC ataupun Pejabat MOTAC Negeri, adalah tidak dibenarkan untuk berkhidmat sebagai Pemandu Pelancong.

## 3. **FI YANG PERLU DIBAYAR**

- a) **Fi pemprosesan** sebanyak **RM10.00** bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran dalam bentuk Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan; dan**
- b) **Fi lesen** sebanyak **RM50.00 (setahun)** hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan** atau bayaran secara atas talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my))

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan.

4. **PIAGAM KELULUSAN**

**5 hari bekerja** apabila fi pemprosesan telah dibayar dan permohonan lengkap, teratur serta sempurna diterima daripada pemohon melalui SPIP kepada MOTAC Negeri Sarawak atau Sabah ataupun Ibu Pejabat.

5. **TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Jun 2021**.